

SULIT

SPSS/OKTOBER2019/DSM2143/DSM2083



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN
PEKERJA
KOD KURSUS : DSM2143/DSM2083
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (60 Markah)	BAHAGIAN B (40 Markah)
------------------------	------------------------

- i. Bahagian A mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.
ii. Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG¹⁴ HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

O

O

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jabatan Sumber Manusia akan melakukan proses perekrutan secara terancang untuk mengisi pelbagai kekosongan jawatan dalam organisasi. Kenapakah proses perekrutan penting dalam pengisian jawatan kosong?

(10 markah)

SOALAN 2

Syarikat Putih Melati berhadapan dengan masalah jumlah bilangan pekerja yang ada dalam organisasi melebihi keperluan sumber organisasi. Anda sebagai Pegawai Sumber Manusia diminta untuk menerangkan **lima (5)** cara bagi mengatasi masalah lebihan pekerja dalam organisasi.

(10 markah)

SOALAN 3

Bagaimanakah analisis kerja memberikan manfaat kepada organisasi dalam proses perekrutan pekerja?

(10 markah)

SOALAN 4

Berdasarkan pengetahuan anda bagaimanakah majikan membuat analisis pekerjaan?

(10 markah)

SOALAN 5

Sebelum menjalankan temu duga, adalah penting bagi organisasi merancang sesi temu duga yang akan diadakan.

- a Senaraikan **enam (6)** panduan yang perlu diberi perhatian dalam merancang sesi temu duga.

(6 markah)

- b Jelaskan **dua (2)** perkara yang perlu diberi perhatian dan dibuat persediaan sebelum menghadiri temu duga

(4 markah)

SOALAN 6

Cik Nayli telah ditugaskan oleh majikan beliau untuk mengambil pekerja dari sumber perekrutan dalaman dan luaran bagi memenuhi keperluan guna tenaga di organisasinya. Beliau telah mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah iklan pekerjaan. Mengapakah Cik Nayli berpendapat bahawa iklan pekerjaan merupakan kaedah yang terbaik bagi menjayakan sesi pengambilan pekerja?

(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Encik Azmin merupakan seorang pekerja di Jabatan Sumber Manusia di Kementerian Sumber Manusia Persekutuan. Setelah proses pemilihan selesai calon yang dipilih akan dihubungi dan ditawarkan untuk bekerja.

- a. Anda diminta membantu Encik Azmin untuk menyediakan surat tawaran kepada calon yang berjaya untuk jawatan Pegawai Psikologi Gred S41.
(14 markah)
- b. Apakah **tiga (3)** kaedah yang digunakan oleh Encik Azmin dalam membuat tawaran kerja kepada calon yang layak?
(6 markah)

SOALAN 2

Pekerja yang mempunyai kepakaran, pendidikan, pengalaman dan berkemahiran tinggi akan meminta gaji dan faedah yang lumayan untuk menerima jawatan yang ditawarkan. Hal ini merupakan cabaran kepada pengurusan sumber manusia yang perlu ditangani segera untuk mendapat pekerja yang berkualiti tinggi dan terus kekal bekerja dalam organisasi.

- a. Terangkan **dua (2)** cabaran yang mungkin dihadapi oleh majikan dalam proses perekrutan dan pemilihan pekerja.
(5 markah)
- b. Jelaskan **tiga (3)** faktor pengekalan pekerja dalam organisasi.
(15 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

